



13 September 2019

KENYATAAN MEDIA

Usaha AMP & CFF Memupuk Hubungan Suami Isteri yang Positif Sebagai Asas Keluarga yang Kukuh melalui Seminar Keibubapaan

1. Sebuah keluarga yang kukuh terbentuk dari hubungan suami isteri yang positif dan saling sokong-menyokong. Selaras dengan ini, AMP Singapura (AMP) dan Pusat Kebapaan (CFF) akan menganjurkan **Seminar Keibubapaan 2019** bertema, "*Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing*", yang bertujuan untuk memupuk hubungan suami isteri yang positif sebagai asas keluarga yang kukuh. Seminar yang akan dikendalikan dalam bahasa Melayu itu, akan diadakan pada hari **Ahad 15 September 2019 jam 9.00 pagi di Orchard Ballroom 3 (Aras 3), Orchard Hotel Singapore (442 Orchard Road)**. Menghadiri acara tersebut sebagai Tetamu Terhormat adalah Prof Dr Yaacob Ibrahim, Ahli Parlimen bagi GRC Jalan Besar.
2. Seminar tahunan ini bertujuan menggalak lebih ramai para ibu bapa untuk memperdalam ilmu dan kemahiran keibubapaan. Ia juga berharap untuk menangani beberapa cabaran yang mungkin dihadapi mereka seperti menghargai sokongan pasangan mereka, serta mendapat kemahiran praktikal dalam membina keluarga.
3. Dua penceramah pakar, Dr Nazirudin Mohd Nasir dan Dr Hj Tengku Asmadi Tengku Mohamad, akan berkongsi pandangan mereka tentang keibubapaan di seminar tersebut. Timbalan Mufti Singapura, Dr Nazirudin akan membincangkan tentang cabaran yang dihadapi masyarakat Melayu/Islam Singapura dalam menjayakan keluarga yang cemerlang, manakala pakar motivasi, penulis dan penceramah, Dr Hj Tengku Asmadi bakal berkongsi mengenai peranan bersama ibu bapa dalam mendidik anak yang cemerlang, khususnya dalam pendekatan komunikasi yang berkesan.

4. Seminar Keibubapaan tahun ini adalah kali keempat yang dianjurkan hasil kerjasama AMP dan CFF sejak ianya dilancarkan pada tahun 2016. Acara ini juga disokong oleh akhbar, Berita Harian.
5. Tiket untuk seminar ini berharga \$50 setiap satu atau \$90 setiap pasangan suami isteri. Orang ramai yang berminat untuk menghadiri seminar ini boleh membeli tiket di bit.ly/SK15Sep atau di pejabat-pejabat AMP @ Pasir Ris (1 Pasir Ris Drive 4, # 05-11), AMP @ Jurong Point (#06-02 Jurong Point Shopping Centre) dan AMP @ Wisma Geylang Serai (1 Engku Aman Turn, #03-03 Lobi Lif B). Untuk pertanyaan lanjut, mereka boleh menghubungi 6416 3966.

TAMAT

SEMINAR KEIBUBAPAAN 2019
Ahad 15 September 2019
Orchard Ballroom 3, Orchard Hotel Singapore

Program

9.00 pg	Ketibaan Tetamu Terhormat <i>Prof Dr Yaacob Ibrahim</i> <i>Ahli Parlimen, GRC Jalan Besar</i>
	Ucapan oleh Tetamu Terhormat
9.15 pg	Sesi Perkongsian <i>Dr Nazirudin Mohd Nasir</i> <i>Timbalan Mufti Singapura</i>
10.00 pg	Waktu Rehat
10.20 pg	Sesi Perkongsian <i>Dr Hj Tengku Asmadi Tengku Mohamad</i> <i>Pakar Motivasi, Penulis & Penceramah</i>
11.10 pg	Perbincangan Panel
12.00 tgh	Jamuan Tengah Hari
1.00 ptg	Tamat